


PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG
01 JULAI 2018
AHAD



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	UMNO DITOLAK KERANA SERANG TUN M	2



SINAR HARIAN

Umno ditolak kerana serang Tun M

1/7/18
s/h

PASIR GUDANG - Tindakan Umno yang memilih untuk menyerang Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dalam pemerintahannya yang lalu diakui menjadi salah satu sebab parti tersebut ditolak pada PRU14.

Pengerusi Umno Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, ketika memegang kuasa parti itu telah lupa batas moral serta sewenangnyanya menafikan jasa negarawan tersebut.

"Kita sebenarnya tak tahu bagaimana nak berhadapan dengan beliau secara matang dan strategik. Jadi, kita ambil jalan mudah iaitu kita cacikan dan hina beliau.

"Kerana sikap keras dan sombong kitalah, rakyat menjadi semakin marah kepada kita," katanya ketika berucap pada Mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian

Pasir Gudang di sini, semalam.

Mohamed Khaled berkata, penolakan juga berlaku apabila Umno gagal berpegang lagi pada nilai sebenar kewujudannya iaitu berbakti kepada rakyat.

"Tapi kita melakukan sebaliknya. Kita juga jadikan Umno ini jalan untuk mencari pengaruh, kekayaan dan segala kenamaan.

"Kita tak bukan menjadikan parti ini gerakan amal dan bakti untuk bangsa," katanya.

Menurutnya, gerakan parti yang tunduk kepada presiden serta memilih penafian untuk terus berkuasa sesuatu yang tidak seharusnya dibuat sejak dahulu.

Katanya, sekiranya Umno mahu bangkit, elemen seperti ini harus dihapus selain perlunya menanam semangat baharu.



MOHAMED KHALED



PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

03 JULAI 2018

SELASA



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
UTUSAN MALAYSIA	MASIH PERTARUH MUKA LAMA	2



UTUSAN MALAYSIA

UTUSAN MALAYSIA

SELASA • 03.07.2018

SUARA RAKYAT JOHOR

Hanya lima bahagian UMNO di Johor menyaksikan kepemimpinan baharu

Masih pertaruh muka lama

Oleh ZULHISHAM ISAHAK
utusan.johor@gmail.com

PEMILIHAN UMNO di peringkat Pusat dan negeri baru selesai pada Sabtu lalu. Keputusan menentukan kepimpinan UMNO untuk penggal 2018-2021 adalah amat penting untuk kelangsungan parti itu yang hampir terkubur dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

Meskipun parti yang dianggap konservatif, ortodok dan ultra Melayu itu tewas, namun keputusan pemilihan parti terutama untuk bahagian seluruh Johor seperti tidak mencerminkan situasi getir dan mencabar diharungi UMNO ketika ini.

Timbul persoalan, benarkan UMNO Johor mahu berubah? Adakah ini UMNO baharu untuk Johor? Menilai keputusan pemilihan baru-baru ini boleh dilihat tidak sampai 10 peratus muka baharu yang menjadi ketua bahagian daripada 26 bahagian UMNO di negeri ini.

Sementara UMNO Bakri masih lagi belum ada keputusan pemilihan bahagian itu kerana masalah teknikal undi yang diperolehi 'terlebih' daripada jumlah perwakilan yang mengundi. UMNO Bakri bergolak setiap kali pemilihan parti sejak dari dahulu lagi.

Hanya UMNO Bahagian Sri Gading, Kota Tinggi, Mersing, Tanjung Piai dan Simpang Regang menampilkan ketua bahagian baharu. Peralihan kuasa itu berlaku pun kerana ketua bahagian yang lama tidak mahu lagi bertanding atas sebab tertentu.

Sebaliknya, kita menyaksikan muka-muka lama termasuk yang kalah dalam PRU-14 masih bertanding malah ramai yang tidak dicabar. Apakah ini menunjukkan

SKOP SEMASA

UMNO Johor seperti di tempat lain tidak memiliki pelapis atau orang muda untuk diketengahkan?

Bukan bermaksud hanya pemimpin muda yang boleh membawa perubahan dalam penstrukturan semula parti tetapi langkah itu amat penting dalam menarik golongan muda selain menjenamakan dan meremajakan semula parti yang sudah berusia 60 tahun. Penulis melihat, antara faktor yang menyebabkan pemimpin muda tidak diberikan peluang menerajui parti kerana mereka dicanas pada peringkat awal lagi oleh ketua-ketua bahagian setelah dilihat berpotensi menjadi ancaman kepadanya.

Persoalannya adakah perubahan atau penaharuan yang akan dibawakan muka-muka lama ini akan dapat diterima sekali gus mengembalikan keyakinan rakyat Johor kepada UMNO? Apakah formula mereka untuk lima tahun lagi berdepan PRU-15?

Sukar untuk kita memastikan adakah *warlord* ini akan berubah, membawakan nilai dan sikap politik baharu? Tiada lagi politik wang, budaya ampu dan bodek, sombong, mementingkan diri sendiri dan retorik berlebihan yang sebenarnya untuk kepentingan diri sendiri?

Bukan bermaksud UMNO Johor diterajui orang-orang lama menuju jalan yang salah tetapi pendekatannya ketika menjadi kerajaan dan kini menjadi pembangkang harus berbeza.

Sebagai sebuah parti pembangkang



SEBAHAGIAN perwakilan memasukkan kertas undi dalam Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Pasir Gudang Di Amansari Residence Resort Bandar Sri Alam, Pasir Gudang, Johor, baru-baru ini.

kang baharu adakah sudah benar-benar bersedia bangkit daripada kekalahan dan mengambil alih semula pusat pentadbiran Iskandar Puteri? Jika masih di takuk lama dengan cara berpolitik terdahulu, lebih baik lupakan sahaja.

Tidak diketahui apakah yang ketua-ketua bahagian ini kejarikan sedangkan mereka sebelum ini sudah memiliki segala-galanya-pangkat dan kekayaan dengan harta setinggi gunung.

Seputungnya mereka menjadi mentor dan membimbing ketua baharu yang diberikan peluang mengemudi bahagian masing-masing. Memang tidak dinafikan terdapat pemimpin lama yang

masih diperlukan khidmat mereka tetapi lebih praktikal memainkan peranan di belakang tabir.

Dalam usaha mengembalikan semula UMNO dalam hati rakyat, pemimpin dah ahli-ahli parti itu perlu sanggup berkorban seperti mana organisasi politik itu ditubuhkan pada Mei 1946. Orang Melayu yang tidak sanggup bergadai harta-benda untuk perjuangan UMNO pada masa itu.

Jika kini diberikan alasan akan UMNO Johor sudah dibekukan, itu tidak menjadi masalah yang besar untuk menyumbang kepada dana parti kerana rata-rata pemimpin UMNO adalah golongan kaya-raya. Inilah masa paling sesuai untuk

membuktikan ketaatan dan kecintaan kepada parti.

Mengapa dahulu orang Melayu yang miskin harta sanggup berkorban apa sahaja untuk UMNO tetapi sekarang pemimpin UMNO yang kaya malah ramai bertaraf jutawan tidak sanggup bergolok-gadai untuk parti yang pernah memberikan mereka kesenangan?

PRU-14 sememangnya menguji UMNO dan apa yang berlaku terkandung banyak hikmahnya. Penentuan hala tuju dan masa hadapan perlu dicarutkan yang diharap dapat membawa parti kembali menjunjung keluhuran dan kesetiaan janji-janjinya buat umat Melayu.



PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

04 JULAI 2018

RABU



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	BINA BANGUNAN BAHARU TAMPUNG JUMLAH PESAKIT	2



SINAR HARIAN

RABU 4 JULAI 2018 • SINAR HARIAN

HUBUNGI SKUAD JOHOR, MELAKA & NEGERI SEMBILAN MOHD FIRDAUS YON - 019-7906796, JEFFRI RAZALI - 010-5625516, SARINAH MAT KASIM - 019-6202383

Bina bangunan baharu tampung jumlah pesakit

PASIR GUDANG - Hospital Pakar KPJ Pasir Gudang bakal membina sebuah bangunan baharu bagi menampung kapasiti jumlah pesakit yang mencatatkan peningkatan setiap tahun.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mohd Azhar Abdullah berkata, pembinaan bangunan baharu juga dijangka dapat memberikan keselesaan kepada pesakit hospital tersebut.

“Sehingga kini terdapat 5,000 pesakit menerima rawatan di hospital ini setiap bulan dan jumlah tersebut dijangka akan meningkat pada tahun depan.

“Setiap tahun kita menerima purata 60,000 pesakit dengan anggaran peningkatan sebanyak 10 peratus setiap tahun, tetapi untuk 2018, sehingga Jun sahaja kita telah mencapai pertambahan sebanyak 18 peratus,” katanya ketika ditemui pada Majlis Rumah Terbuka KPJ Pasir Gudang.

Mohd Azhar berkata, bangunan baharu itu akan mempunyai kapasiti 15 katil, enam Unit Rawatan Rapi (ICU) dan lima Unit Dependensi Tinggi (HDU) selain 24 klinik doktor-doktor pakar termasuk 206 petak parkir bertingkat.

Katanya, usaha pembinaan bangunan tersebut kini dalam proses mencari tender dan dijangka



Pengerusi KPJ Pasir Gudang Specialist Hospital, Aminudin Dawam (kiri) ditemani Mohd Azhar (tengah) menyampaikan bantuan kerusi roda.

akan dapat beroperasi sepenuhnya pada suku ketiga 2019.

Beliau berkata, tingkat lima bangunan hospital sedia ada yang menempatkan ruang klinik doktor pakar akan diubahsuai untuk menempatkan 36 katil tambahan.

“Selain itu, tambahan 21 katil di tingkat lapan bangunan sedia ada. Kita juga akan menambah dua unit baharu di tingkat lapan iaitu Unit

Endoscopy dan Unit Catheterization Laboratory (Cathlab) yang khusus untuk merawat pesakit jantung.

“Kita berharap dengan pertambahan unit-unit dan katil ini masa menunggu pesakit untuk menerima rawatan akan dipendekkan selain kita akan mempunyai ruang yang cukup untuk menerima dan menjalankan rawatan kepada pesakit,” katanya.



PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

05 JULAI 2018

KHAMIS



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
THE STAR	JOHOR HOPES TO SAVE RM30mil	2



THE STAR

14 Nation

STAR 5/7/2018

Johor hopes to save RM30mil

Road maintenance work to be awarded via open tender from now on

By **NELSON BENJAMIN**
nelson@thestar.com.my

JOHOR BARU: The state government hopes to save at least RM30mil annually in road maintenance costs after it reviews the projects awarded to two private concessionaires in the state, said Johor Works, Infrastructure and Transport Committee chairman Mazlan Bujang.

Their three-year contract, which will end in August, will not be renewed despite the option to renew it for another two years, he said.

"We have paid about RM450mil to these two companies for maintenance work in Johor.

"We now plan to hand over the

duties to the Public Works Department (PWD) or a government-linked company (GLC) to award the projects via open tender," he said during an interview.

Mazlan, who declined to name the two companies, said a final decision will be announced soon as discussions are underway.

He said this means that dozens of Johor contractors will be able to benefit from the move, instead of just two companies.

Asked how the PWD or GLC will be able to carry out the work, he said they will need to engage contractors to do the job and make sure they complete it on time.

"Everything will be done via tender system. We have already been

informed by the Finance Ministry that all federal projects will be done via tenders," he said, adding that the state government will only monitor its implementation.

Mazlan said he is also looking into ways to overhaul the state's tender process, including the selling of tender documents and announcement of the winners.

"In the past the winners were only notified three days later. We want everything to be done on the same day if possible to ensure transparency," he said, adding that for major projects worth more than RM30mil, the state government intends to have pre-qualifications tender process to ensure only capable contractors can bid for the job.


Asked about the RM500mil Pasir Gudang Hospital, Mazlan said the project is needed but requires some fine-tuning.

"First we have to check whether it really costs that much, then whether the area is suitable," he said.

The proposed site, he said, is on a slope and requires more funds for the building of retaining walls and other infrastructure.

Mazlan said he was informed that the site is located near a quarry, which could be noisy and cause tremors.

"It's puzzling why the ground-breaking for the project was done even before the contractor was appointed or confirmed. This was an election ploy," he said.



PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

10 JULAI 2018

SELASA



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
HARIAN METRO	BERTONGKAT Mencari Rezeki	2
KOSMO	Penganjuran JIBK Bakal Lonjak Pelancongan Johor	3
UTUSAN MALAYSIA	RM160 juta Bina Bangunan Baharu	4



HARIAN METRO

Pasir Gudang

10/7/18

Bertongkat
cari rezeki

HfM

"Saya cekal menyara keluarga termasuk mengusahakan gerai buah-buahan dan menanam pokok bunga untuk dijual walaupun bergerak menggunakan tongkat," kata bekas pemain bola Johor dan Selangor era 80-an, Jamaluddin Ali, 58, di sini, semalam.

Bapa kepada enam cahaya mata berkata, kaki kanannya terpaksa dipotong dari paras bawah lutut akibat jangkitan kuman berpunca daripada diabetes pada Januari lalu.

Menurutnya, walaupun bergerak dengan menggunakan tongkat tetapi cekal berniaga kerana masih menyara isteri, Juliah Selamat, 53, dan dua anak berusia 10 dan 19 tahun manakala empat lagi anaknya yang berusia 22 hingga 27 sudah berumah tangga kerap membantu keluarganya.

"Saya bersyukur kerana masih berpeluang berniaga selain dibantu isteri untuk beroperasi di tanah pusaka milik ibunya di Kampung Cahaya Baru Masai.

"Buat masa ini saya tidak pulang ke rumah keluarga di Masai kerana mahu menjaga keselamatan barangan niaga.

"Alhamdulillah pendapatan harian saya mencukupi bagi menampung perbelanjaan kami empat beranak," katanya.



KOSMO

Penganjuran JIBK bakal lonjak pelancongan Johor

10/7/18 KOSMO

JOHOR BAHRU - Bukit Layang-Layang Pasir Gudang yang sinonim dengan penganjuran Festival Layang-Layang Sedunia Pasir Gudang boleh dimajukan lagi dengan penganjuran sebuah lagi program bertaraf antara-

bangsa iaitu Minggu Motosikal Antarabangsa Johor (JIBK).

Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permas, Datuk Che Zakaria Mohd. Salleh berkata, kertas cadangan mengenai program berkenaan sudah disiapkan

dan diserahkan kepada Exco kerajaan negeri yang terlibat.

"Kita cadangkan program berkenaan diadakan pada hujung September ini atau awal Oktober di mana untuk permulaan ini, kita akan himpulkan penunggang-pe-

nunggang motosikal dari negara jiran terdekat seperti Thailand, Singapura dan Indonesia.

"Kita juga mahu program julung-julung kali diadakan ini disenaraikan di dalam kalendar aktiviti tahunan pelancongan Jo-

hor dan dikembangkan lagi bagi menarik penyertaan lebih ramai daripada negara luar sekali gus menarik kehadiran lebih ramai pelancong ke dalam negara," katanya kepada *Bernama* di sini semalam.



UTUSAN MALAYSIA

RM160 juta bina bangunan baharu

PASIR GUDANG 9 Julai - Hospital Pakar Regency sedang merancang bina bangunan baharu bagi meningkatkan perkhidmatan operasinya di negeri ini.

Pengarah urusannya, Chin Wei Jia, berkata, rancangan itu dijangka bermula pada penghujung tahun ini babit kos RM160 juta di atas kawasan seluas 46,451.52 meter persegi.

Menurut beliau, pembinaan bangunan baharu itu juga bertujuan menampung peningkatan pesakit dari dalam dan luar negara.

"Penambahan bangunan ini dijangka mampu tampung kapasiti sehingga 500 katil sekali gus memenuhi keperluan pesakit terutama dari Johor selain pesakit luar terutama Singapura, Myanmar dan Vietnam.

"Setakat ini, kami ada lebih 150,000 pesakit yang dapatkan rawatan di sini secara tahunan dan menyaksikan peningkatan 22 peratus sejak mula beroperasi pada tahun 2009 bersama-sama kekuatan lebih 70 pakar serta lebih 600 kakitangan hospital," katanya selepas pelancaran logo baharu Hospital Pakar Regency, di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), Datuk Ismail Ibrahim.

Beliau berkata, hospital itu juga merupakan antara hospital swasta di selatan Malaysia yang menawarkan terapi Extracorporeal Membrane Oxygenation (ECMO) bagi sokongan jantung dan pernafasan berpanjangan untuk pesakit yang mempu-



ISMAIL IBRAHIM (dua dari kiri) dan **Wei Jia** (kiri) melancarkan logo baharu Hospital Pakar Regency di Pasir Gudang, Johor, baru-baru ini.

paru-paru lemah.

Wei Jia berkata, tambahan bangunan baharu itu selaras dengan visi mereka untuk sedia perkhidmatan perubatan yang komprehensif bukan sahaja di negeri ini tetapi Asia Tenggara.

Sementara itu, Ismail berkata, sehingga 31 Mac lalu, sektor kesihatan sudah menyumbang RM4.11 bilion daripada keseluruhan RM262 pelaburan yang diterima di Iskandar Malaysia.

Katanya, menerusi Rancangan Pembangunan Komprehensif (CDP) di Iskandar Malaysia, perkhidmatan dalam sektor itu mampu meningkatkan strategi mempromosikan wilayah ekonominya di rantau ini sebagai hab pelancaran perubatan.

Tambahnya, menerusi kemudahan yang disediakan misalnya Hospital Pakar Regency, usaha itu akan menarik lebih ramai pelanggan dari Singapura dan Indonesia.



PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG
13 JULAI 2018
JUMAAT



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
HARIAN METRO	YKLTJ ANJUR LARIAN KUMPUL DANA KANSER	2



HARIAN METRO

YKLTJ anjur larian kumpul dana kanser

Johor Bahru: Selepas kejayaan penganjuran larian amal buat julung kali pada tahun lalu yang disertai 1,200 peserta, Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor (YKLTJ) sekali lagi menganjurkan Larian Amal Laksamana pada 28 Julai ini.

Penganjuran tahun ini juga 'berubah angin' ke lokasi baru iaitu di Dataran Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dekat sini, bukan lagi di Litar Johor, Pasir Gudang seperti penganjuran pada tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif YKLTJ Mohd Anizam Jamin berkata, Larian Amal Laksamana adalah inisiatif anjuran YKLTJ mengumpul dana bantuan bagi pembiayaan rawatan serta perkhidmatan sokongan kepada pejuang kanser.

Menurutnya, selepas menerima sambutan hangat dan luar biasa dari seluruh Johor dan negara jiran, Singapura, larian amal kali ini akan menyaksikan tambahan kategori iaitu 10 kilo-



TUNKU Tun Aminah Sultan Ibrahim turut menyertai Larian Amal Laksamana pada tahun lalu di Litar Johor, Pasir Gudang.

meter (Power Run) dan lima kilometer (Fun Run) berbanding hanya empat kilometer Fun Run pada tahun lalu.

"Fokus utama kita adalah mewujudkan kesedaran dan mengumpul dana serta pada masa yang sama ingin mem-babitkan seluruh masyarakat untuk bersama-sama dalam dalam usaha melawan kanser.

"Semua 100 peratus ser-buk warna yang kami gu-

nakan adalah organik dan tidak mempunyai kesan negatif. Jadi daftar segera hari ini, aktifkan diri anda," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.


Mohd Anizam berkata, acara itu bakal diserikan dengan penyertaan Tunku Puteri Johor Tunku Tun Aminah Sultan Ibrahim yang juga Penang Diraja Larian Amal Laksamana bersama isteri Tunku Mahkota Johor Che' Puan Khaleeda Bustamam.

"Acara tahun ini bermula dari jam 6.30 hingga 11.30 pagi dan pendaftaran bermula pada 15 Jun sehingga 15 Julai di laman sesawang www.laksamanarun.com," katanya.

Yuran penyertaan RM50 dikenakan bagi kategori Fun Run dan RM70 bagi kategori Power Run, manakala bagi pelajar sekolah menengah, yuran penyertaan adalah sebanyak RM35 sahaja bagi kategori Power Run dan penyertaan harus melalui sekolah masing-masing.

Sebarang pertanyaan mengenai larian atau YKLTJ, orang ramai boleh menghubungi talian 07-5570404 atau e-mel ke general@tljcf.org dan peta laluan larian boleh didapati dengan melayari Laksamana Run frequently askedquestions.

Orang ramai juga boleh juga layari Facebook <https://www.facebook.com/LaksamanaRun/>, twitter @LaksamanaRun dan Instagram @laksamanarun untuk maklumat lanjut.



PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

23 JULAI 2018

ISNIN



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
UTUSAN MALAYSIA	KANAK-KANAK HIDAP PENYAKIT KULIT MUDAH RAPUH, TERLUKA	2
SINAR HARIAN	SJKT MASAI JOHAN PERINGKAT DUNIA	3



UTUSAN MALAYSIA



LIOW CAI TUNG (kiri) menyerahkan sumbangan kepada Noor Halimatun Hashim sambil diperhatikan tiga anaknya termasuk Muhammad Hazril Mikhael Hizar, 7, (depan) yang menghidap penyakit *Epidermolysis Bullosa* atau EB di Pangsapuri Jalan Tasek 64, Bandar Seri Alam, Johor Bahru, baru-baru ini.

Kanak-kanak hidap penyakit kulit mudah rapuh, terluka

utusan malaysia 23/7/18

JOHOR BAHRU 22 Julai - Jika rakan seusia yang lain sudah bersekolah rendah, Muhammad Hazril Mikhael Hizar, 7, terpaksa memendamkan hasrat tersebut kerana penyakit *Epidermolysis Bullosa* atau EB yang dihidapinya sejak lahir.

Ibu kanak-kanak itu, Noor Halimatun Hashim, 37, berkata, anak bongsu daripada tiga beradik itu menghidap penyakit kulit yang jarang ditemukan hingga menyebabkan kulitnya rapuh, mudah pecah dan terluka.

Katanya, penyakit anaknya itu disedari sebaik dilahirkan di Hospital Sultanah Aminah (HSA) di sini apabila terdapat luka kecil pada bahagian kakinya yang kemudian menjadi semakin teruk hingga merebak ke anggota badan yang lain.

"Sewaktu bayi, Muhammad Hazril Mikhael terpaksa dimasukkan ke dalam sebuah inkubator di Unit Rawatan Rapi (ICU)

dan pada mulanya, doktor tidak dapat menentukan apa penyakit yang dihidapi anak saya.

"Saya hati saya melihat tubuh kecilnya penuh dengan luka dan disuntik dengan jarum. Saya tidak dapat menerima hakikatnya ketika itu," katanya ketika menerima kunjungan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Pelancongan Wanita negeri, Liow Cai Tung di rumahnya di Bandar Seri Alam, di sini baru-baru ini.

Noor Halimatun kemudian memutuskan untuk berhenti kerja sebagai kakitangan pentadbiran hotel pada awal tahun ini untuk memberi tumpuan sepenuhnya kepada Muhammad Hazril Mikhael dan dua lagi cahayamatanya yang berusia 11 dan 12 tahun.


"Dalam tempoh empat tahun pertama, saya sering kemurungan kerana doktor memberitahu kami setakat ini tiada lagi

rawatan untuk penyakit anak saya.

"Namun, apabila Muhammad Hazril Mikhael sudah makin besar dan mula bercakap, dia menunjukkan tanda-tanda kekuatan dan kasih sayang kepada kita yang membuat saya lebih sabar dan reda dengan ketentuan Allah," katanya.

Noor Halimatun yang sangat tabah mengharungi dugaan dan cabaran perlu mencuci luka Muhammad Hazril Mikhael setiap hari yang menelan kos sebanyak RM45 sehari untuk kit mencuci, pembalut dan kain kasa berubat sahaja.

Keluarganya terpaksa menampung kos perubatan kira-kira RM4,000 sebulan dan cuma bergantung kepada suami Noor Halimatun, Hizar Omar, 43, yang kerja sebagai tukang masak selain bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIN).



SINAR HARIAN

SINAR HARIAN • ISNIN 23 JULAI 2018



SJKT Masai johan peringkat dunia

ROSLINWATI RAHAT

SHAHALAM - Kumpulan Infinity FITT dari Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Masai, Johor muncul johan bagi kategori Sekolah Rendah peringkat akhir pertandingan International Science Drama Competition 2018, baru-baru ini. Sekolah berkenaan yang mewakili Malaysia dan Infinity FITT bersama peserta akhir lain menyanyikan persembahan drama selama tujuh minit di pentas berkonsepkan sains mengikut tema pertandingan iaitu Science of Sports bersempena World Cup 2018. Tempat kedua disandang kumpulan Sport On! dari Kuo Chuan Presbyterian Primary School (Singapura) manakala tempat ketiga dimenangi kumpulan Vane Young Scientist Club dari Vane Christian International School (Holland). Bagi kategori Terbuka pula menyaksikan tempat pertama adalah Theatre Club Nanyang

“Kami juga berharap agar pertandingan ini dapat membina keyakinan pelajar dan mengasah kemahiran komunikasi secara berkesan untuk berhadapan dengan orang ramai.”
- Tengku Nasariah

(Singapura), kedua Science Fillet (Brunei) dan ketiga The Warriors (MRSM Tun Abdul Razak, Pekan, Pahang).

Pertandingan anjuran Petrosains itu diadakan di Kolej Universiti KDU, Glenmarie dan dihadiri rakan, ahli keluarga serta penyokong dari setiap negara bertanding. Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif, Petrosains, Tengku Nasariah, Tengku Syed Ibrahim dan wakil rakan kelab-kelab ‘International Science Drama Competition’ termasuk Kolej Universiti KDU, Asai dan



Pasukan Malaysia Infinity FITT menerima replika cek daripada Tengku Nasariah (berdiri, lima kanan) setelah diumumkan johan peringkat akhir International Science Drama Competition 2018 bagi kategori Sekolah Rendah.

Freeschoolmy.

Wakil dari pusat dan muzium sains turut hadir pada pertandingan tersebut sebagai juri dan mengiringi pasukan dari negara mereka.

Menurut Tengku Nasariah, pertandingan meraberi motivasi dan inspirasi kepada pelajar terhadap bidang sains.

“Kami daripada Petrosains berharap agar penyertaan dalam pertandingan ini membantu pelajar memahami sains dengan lebih mendalam serta mengaplikasikan mereka lebih kreatif dalam mempersembahkan drama yang mempunyai elemen sains.”
“Kami juga berharap agar

pertandingan ini dapat membina keyakinan pelajar dan mengasah kemahiran komunikasi secara berkesan untuk berhadapan dengan orang ramai,” katanya. Pertandingan tersebut buat pertama kalinya disertai Petrosains pada 2016 untuk menyokong agenda pendidikan negara dalam memupuk minat sains dan mempromosikan sains melalui drama dalam kalangan generasi muda.

Pertandingan itu menggunakan pendekatan dan teknik alternatif yang juga digunakan Petrosains dalam memupuk minat pelajar serta menyoet inspirasi dalam bidang sains.

Bagi pertandingan peringkat akhir ini, juri terdiri daripada wakil pusat dan muzium sains dari setiap negara bertanding.

Peserta diwajibkan berdasarkan kandungan saintifik, persembahan lakonan, keseronokan, persembahan dan kreativiti.

Kumpulan peserta yang bertanding berpeluang memenangi hadiah wang tunai dan barangan Petrosains.



Kumpulan dari Singapura, Theatre Club Nanyang menerima hadiah daripada Tengku Nasariah.



PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

25 JULAI 2018

RABU



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HAIRAN	BIMBANG HILANG TEMPAT TINGGAL	2



SINAR HARIAN

Bimbang hilang tempat tinggal

Sinar
25/7/18

Penduduk rayu buka penempatan semula untuk mereka

SYED BADRIL ABDUL KADIR

PASIR GUDANG

Kira-kira 150 keluarga khuatir rumah didiami mereka sejak 30 tahun lalu di Kampung Plentong Tengah Lot 49259 Mukim Plentong diambil pihak terentu.

Lebih membimbangkan apabila sebahagian daripada mereka tidak mempunyai status rasmi berkenaan pemilikan tanah meskipun rata-rata daripadanya merupakan penoreka awal tanah tersebut.

Penduduk, Mohd Dahlan Dasop, 64, berkata, perkara itu disedari apabila berlakunya kegiatan

pembersihan kawasan oleh satu syarikat pemaju yang mendakwa mempunyai hak pemilikan kepada sebahagian tanah kampung itu pada bulan lalu.

"Bila kami lihat ada kenderaan berat meratakan tanah, kami mula bimbang tambahan pula tiada sebarang maklumat pun diberikan oleh pihak tersebut dan apa tujuan mereka berbuat demikian.

"Jadi kami sendiri pergi mencari maklumat, akhirnya berita tidak senang kami dengar. Rupa-rupanya mereka ini merupakan pemilik kira-kira 8.9 hektar tanah di kawasan ini," katanya kepada Sinar Harian.

Justeru itu, katanya, penduduk telah bertemu dengan pemaju berkenaan untuk mendapatkan penjelasan.

"Mereka maklumkan kawasan ini hanya dibersihkan dahulu tetapi tidak menggantung rumah penduduk kerana mereka miliki tanah sahaja.

"Namun, sebagai



Syed Osman (tiga, kiri) menerima memorandum yang diserahkan oleh wakil penduduk, semalam.

penduduk kami gusar sebab status kami di sini pun masih tergantung," katanya.

Mohd Dahlan berkata, kerajaan negeri sebelum ini pernah menyatakan perancangan untuk menyediakan rumah mampu milik kepada penduduk kawasan itu, namun tiada sebarang tindakan diambil.

Menurutnya, penduduk berharap kerajaan negeri dapat membuat

pertimbangan agar membuka satu petempatan semula kepada mereka sekiranya tidak boleh memberikan status pemilikan tanah di kawasan itu.

Jelasnya, hanya 23 tapak rumah sahaja yang mempunyai geran di kawasan penempatan berkenaan.

"Kami akur dengan pembangunan yang ingin dilaksanakan namun berharap kerajaan negeri

dapat bertimbang rasa dan membela nasib kami yang terumbang-ambing ini.

"Jika kawasan terdekat seperti Rumah Awam Plentong dan Desa Perwira dapat diselamatkan, kenapa di sini tidak boleh," katanya.

Sehubungan itu, Mohd Dahlan berkata, satu memorandum khas telah diserahkan kepada Pejabat Menteri Besar.

Memorandum berkenaan

info

Penduduk dakwa telah menetap di kawasan itu lebih 30 tahun.

telah diterima oleh Pegawai Khas Menteri Besar Bahagian Pengaduan Awam, Syed Othman Abdullah.

Sementara itu, Syed Othman berkata, pihaknya turut menzahirkan kekesalan berkenaan perkara itu kerana penduduk langsung tidak menerima sebarang notis atau butiran rasmi daripada pemaju yang ingin menjalankan pembangunan di kawasan terbabit.

"Perkara ini akan diajukan kepada Menteri Besar untuk membantu menyelesaikan masalah dihadapi penduduk kawasan ini

"Saya harap pemaju juga dapat hentikan sementara kerja-kerja pembersihan yang dilakukan sehingga mereka mengadakan pertemuan rasmi bersama penduduk di sini," katanya.

